

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

4

Nasional

Rabu, 3 Mei 2023

# Budak maut disyaki akibat strok haba

Jabatan Kesihatan Negeri Johor sediakan laporan lengkap kes

Oleh Mohamed Farid Noh  
dan Mohamad Fahd Rahmat  
bhnews@bh.com.my

**Kluang:** Seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun meninggal dunia kira-kira 7 pagi kelmarin, disyaki disebabkan strok haba.

Bapanya, Syahrol Azmi Mohd Hekak, 42, berkata anak keduanya, Airlie Syahren, disahkan doktor meninggal dunia akibat strok haba sehingga buah pinggangnya terjejas dan mengalami radang otak.

Beliau berkata, doktor menjejaskan, anak meninggal dunia

akibat 'septic shock secondary to meningoenphalitis'.

Beliau berkata, anak kedua daripada empat beradik itu, mengalami gejala demam tidak berpeluh, kekejangan otot, muntah, terkencing, buang air besar dan meracau pada kira-kira jam 10 malam, Ahad lalu.

Katanya, murid Sekolah Kebangsaan (Lelaki) Bandar Kluang itu dan adik lelakinya berusia sembilan tahun serta ibu mereka dahulu mengalami demam biasa dan mengambil ubat.

"Saya meminta mereka tidur di ruang tamu kerana bilik itu sejuk. Selepas itu, saya dengar macam bunyi benda jatuh dan kemudian saya dapati anak kekejangan.

"Selepas menelefon talian 999, panggilan disambungkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom dan petugas meminta saya menunggu ambulans sampai.

"Dalam tempoh itu, anak saya tetap meronta-ronta sampai terberak, terkencing. Adiknya pun jadi macam itu, tetapi sekejap sahaja," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Bentong, di sini.

Syahrol Azmi berkata, anak keduanya, Airlie Syahren, 9, kini stabil dan masih berada di wad.

Jenazah Airlie Syahren dikebumi di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bentong, di sini.

## Maklumat tepat

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, berkata Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) sedang menyediakan laporan lengkap berhubung kes itu.

"JKNJ sedang menyiapkan laporan penuh kes itu supaya maklumat lebih tepat mengenai punca sebenar kejadian dapat didedahkan kepada umum," katanya.



Airlie Syahren korban terbaharu strok haba. (Foto Mohamad Fahd Rahmat/BH)



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohamad Fahd  
Rahmat  
am@hmetro.com.my

Kluang

**"B**adannya mengalami kekejangan dan meronta hingga terberak serta terkencing," kata Syahrol Azmi Mohd Hekak, 42, bapa kepada kanak-kanak lelaki 12 tahun yang meninggal dunia kelmarin selepas disyaki mengalami simptom strok haba.

Airiel Syahren Syahrol disahkan meninggal dunia oleh doktor akibat *septic shock secondary to meningo-encephalitis* di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom (HEBHK) di sini kira-kira jam 7 pagi.

Syahrol Azmi berkata, anak kedua daripada empat beradik itu mengalami simptom demam tidak berpeluh, kekejangan otot, muntah, terkencing, terberak dan meracau pada jam 10 malam Ahad lalu.

Katanya, pada mulanya Airiel Syahren termasuk adik lelakinya berusia sembilan tahun dan ibu mereka mengalami demam biasa.

"Pada malam kejadian dia kejutkan saya dan menyuruhnya tidur di ruang tamu mungkin kerana dia bilik itu sejuk.

"Selepas itu saya dengar macam bunyi benda jatuh dan saya dapati dia kekejangan di ruang tamu," katanya.

Menurut Syahrol, dia menghubungi talian 999 sebelum disambungkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom.

"Pihak hospital ada tanya, apakah anak saya ada sawan? Lagilah saya panik, tetapi pihak hospital beritahu supaya iringkan badan anak, jangan bagi dia makan atau minum dan tunggu ambulans sampai.

"Dalam tempoh itu, anak saya meronta-ronta sampai terberak, terkencing dan seperti menahan kesakitan. Adiknya juga mengalami perkara sama tetapi dalam beberapa minit sahaja," katanya ketika ditemui di kediamannya di

BUDAK MAUT DISYAKI AKIBAT STROK HABA

## 'Airiel meronta badan kejang'

JENAZAH Airiel selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bentong, Kluang.



Dalam tempoh itu, anak saya meronta-ronta sampai terberak, terkencing dan seperti menahan kesakitan"

Syahrol Azmi

putih selain terkena radang otak," katanya.

Katanya, tidak menyangka anak yang disifatkan sebagai pendiam, suka tersenyum dan ringan tulang membantu keluarga itu, pergi terlalu cepat.

"Jangan ambil mudah jika anak anda demam, segera hantar mereka dapatkan rawatan di hospital," katanya.

Katanya, anak ketiganya, Aidil Syahren, 9, kini sudah stabil dan masih berada di wad HEBHK.

"Anak saya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bentong selepas Zuhur," katanya.

Kampung Bentong di sini, semalam.

Katanya, jam 7 pagi, dia mendapat panggilan HEBHK supaya membeli lampin pakai buang buat anaknya namun tidak lama kemudian mendapat panggilan kedua menyuruhnya segera datang ke wad.

"Ketika meninjau di katil anak, saya terkejut anak saya dipam di dadanya oleh kakitangan di situ.

"Dua doktor memanggil saya ke bilik dan menerangkan anak saya mengalami simptom strok haba hingga menyebabkan buah pinggang terjejas, X-ray dadanya berwarna



SYAHROL menunjukkan surat perakuan pengawal perubatan mengenai punca kematian anaknya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : LOKAL

## Ubat batuk Guaifenesin Syrup tak berdaftar

**Kuala Lumpur:** Produk sirap ubat batuk Guaifenesin Syrup TG Syrup yang di kilangkan oleh QP Pharmachem Ltd (Punjab, India) didapati tidak berdaftar di negara ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Beliau berkata ia berdasarkan semakan yang dilakukan terhadap pangkalan data produk berdaftar Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) berkaitan produk berkenaan.

"Pengambilan produk sirap ubat batuk yang tercemar dengan diethylene glycol (DEG) dan ethylene glycol (EG) adalah toksik kepada manusia yang boleh memberikan kesan seperti sakit pada bahagian abdomen, muntah, cirit-birit, kesukaran untuk membuang air kecil, sakit kepala, perubahan pada keadaan mental dan kecederaan yang teruk pada buah pinggang.

"Produk yang tercemar ini adalah tidak selamat untuk digunakan terutama dalam kalangan kanak-kanak kerana boleh menyebabkan kesan yang serius atau kematian," katanya dalam satu kenyataan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 25 April lepas telah mengeluarkan amaran mengenai sirap ubat batuk tercemar yang merujuk kepada sirap ubat batuk Guaifenesin Syrup TG Syrup yang dikesan mengandungi diethylene glycol dan ethylene glycol melebihi had dibenarkan.

Dr Muhammad Radzi berkata meskipun ia tidak berdaftar di Malaysia, orang awam yang berkeungkinan menggunakan atau mengetahui sesiapa yang sedang menggunakan



DR Muhammad Radzi

produk itu dinasihatkan segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan, terutama jika mengalami sebarang kesan sampingan atau kesan advers.

Orang awam yang mempunyai sebarang maklumat berhubung penjualan produk tidak berdaftar di pasaran, boleh membuat aduan melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di <http://moh.spab.gov.my> atau melaporkan di Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang berdekatan atau menghubungi talian 03-7841 3200 untuk membolehkan tindakan sewajarnya diambil oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

"Orang awam juga digalakkan membuat aduan sekiranya terdapat keraguan tentang kualiti dan keselamatan produk yang digunakan.

"KKM menjalankan pemantauan secara berterusan bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan terjamin serta akan memaklumkan perkembangan kepada orang ramai dari semasa ke semasa," katanya.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEGARA

Mangsa terbaharu melibatkan kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun di Kluang

## Lagi kes kematian akibat strok haba

Oleh ADNAN IBRAHIM

**KLUANG** – Seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun dari daerah ini menjadi mangsa terbaharu akibat strok haba kelmarin.

Mangsa, Airlie Syahren Syahrol yang juga anak kedua daripada empat beradik meninggal dunia pada pukul 7 pagi ketika dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom (HEBHK) di sini.

Menurut bapanya, Syahrol Azmi Mohd. Hekak, 42, pihak hospital mengesahkan kematian anaknya akibat *septic shock secondary to meningococcalitis*.

Katanya, Airlie mengalami simptom demam tidak berpeluh, kekejangan otot, muntah dan meracau pada pukul 10 malam, Isnin lalu.

Pada mulanya, pelajar Sekolah Kebangsaan Lelaki Bandar Kluang itu, adiknya, Aidil Syahren, 9, dan ibu mereka demam.

"Sayakejutkan dia minta tidur di luar (ruang tamu) sebelum mendengar seperti benda terjatuh. Saya melihat Airlie kejut lalu menghubungi talian kecemasan untuk mendapatkan bantuan ambulans.

"Dalam tempoh itu, Airlie



**SYAHROL** menunjukkan laporan kematian anaknya berusia 12 tahun yang dikeluarkan oleh pihak hospital ketika ditemui di rumahnya di Kluang semalam.



**AIRIE** mengalami simptom kejang sebelum meninggal dunia di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang kelmarin.

meronta-ronta sampai terken-  
cing seperti menahan sakit dan  
simptom sama turut berlaku ke  
atas adiknya, namun sekejap sa-  
haja," katanya ketika ditemui di

rumahnya di Kampung Bentong  
di sini semalam.

Menurut Syahrol, pada pukul  
7 pagi, dia mendapat panggilan  
daripada hospital yang memin-

tanya supaya membelikan  
lampin pakai buang sebelum di-  
minta datang segera ke wad.

"Dua doktor memaklumkan  
anak saya mengalami simptom

strok haba hingga menyebabkan  
buah pinggangnya terje-  
jas. Laporan X-ray mendapati  
dadanya putih selain terkena  
radang otak.

"Saya tidak sanggup meli-  
hat anak terseksa kerana mata  
putihnya bertukar merah. Jadi  
saya 'izinkan' anak 'pergi'. Saya  
tak sangka anak yang suka terse-  
enyum dan ringan tulang ini pergi  
terlalu cepat.

"Jangan ambil mudah jika  
anak-anak anda demam. Jangan  
berfikir soal duit, sebaliknya  
bawa mereka segera ke hospital,"  
katanya.

Arwah Airlie dikebumikan di  
Tanah Perkuburan Islam Kam-  
pong Bentong selepas zuhur.

Sementara itu, Pengarah HEB-  
HK, Dr. Mohammad Nizam Suba-  
her berkata, pihaknya masih  
belum menerima laporan penuh  
berhubung kematian kanak-  
kanak tersebut.

Kosmo! pada 27 April lalu  
melaporkan Muhamad Syamil  
Aqil, 11, maut dipercayai akibat  
diserang strok haba di Bachok,  
Kelantan. Selepas itu, Nur Imani  
Ahmad Faris Fazli, 19 bulan, dari  
Kota Bharu pula maut disyaki  
akibat simptom sama.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NEGARA

Jumlah individu menunggu organ dalaman kini seramai 10,077

## Hanya 811 penderma dalam 47 tahun

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Setelah hampir 47 tahun, penderma organ selepas kematian di negara ini hanya 811 individu berbanding jumlah individu menunggu kini yang mencecah 10,077 orang.

Jumlah itu dicatatkan sejak kempen derma organ dimulakan pada 1976 hingga Februari lalu seterusnya menimbulkan persoalan sama ada polisi *opting in* yang diamalkan sebelum ini perlu ditukar kepada dasar *opting out* seperti diamalkan di Singapura dan Sepanyol.

'Opting in' merujuk kepada polisi perlu memohon untuk menjadi penderma organ berbanding *opting out* pula memohon untuk tidak menjadi penderma organ dengan melengkapkan dokumen tertentu walaupun secara dasarnya menetapkan semua rakyat meninggal dunia secara automatik akan menjadi penderma organ, jika menepati kriteria.

Pengurus Klinikal Pendermaan Organ Kebangsaan Kanan, Dr. Hasdy Haron berkata, perdebatan mengenai polisi itu sememangnya berlaku dalam kalangan beberapa profesional kesihatan yang menyarankan *opting out* diguna pakai sebagai pendekatan komprehensif meningkatkan bilangan penderma organ.

Ujarnya, ini membolehkan or-



UPACARA penghormatan kepada penderma sebelum pembedahan bermula oleh pasukan bedah. – IHSAN PUSAT SUMBER TRANSPLAN NASIONAL



DR. HASDY

gan diperoleh tanpa perlu mendapat kebenaran waris seperti diamalkan sekarang berdasarkan Akta Tisu Manusia 1974.

"Namun, kita kena lihat daripada pelbagai aspek. Walaupun Sepanyol mempunyai penderma organ paling tinggi di dunia berikutan mengamalkan *opting-out*, namun masih perlu meminta kebenaran waris.

"Apabila bercakap berkaitan pendermaan organ adalah turut melibatkan perasaan keluarga penderma. Kebenaran waris merupakan cabaran utama dalam pendermaan organ di Malaysia.

"Secara statistiknya, jumlah penderma organ selepas kematian di Malaysia sejak 1976 hingga Februari lalu adalah 811 individu dengan 591 adalah lelaki," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Kata beliau, polisi *opting out* yang diamalkan Singapura contohnya memperuntukkan undang-undang kepada individu yang menolak untuk menderma organ akan menyebabkan seseorang itu tidak diutamakan dalam senarai menunggu organ jika memerlukan pemindahan organ kelak.

Malah beliau yang merupakan Timbalan Pengarah Pusat Sumber Transplan Nasional secara peribadi memaklumkan polisi sebegini boleh dilaksanakan sekiranya masyarakat negara ini memahami dengan baik mengenai kepentingan pemindahan organ.

Jumlah pengikrar derma organ di negara ini hampir 400,000

### Senarai menunggu organ

| Jenis organ                 | Jumlah penunggu |
|-----------------------------|-----------------|
| Buah pinggang (Dewasa)      | 9,819           |
| Buah pinggang (Kanak-kanak) | 242             |
| Hati (Dewasa)               | 8               |
| Hati (Kanak-kanak)          | 4               |
| Jantung                     | 11              |
| Jantung & paru-paru         | 2               |
| <b>Jumlah besar</b>         | <b>10,077</b>   |

### Jenis organ didermakan

| Jenis Organ         | Jumlah       |
|---------------------|--------------|
| Buah pinggang       | 373          |
| Hati                | 122          |
| Paru-paru           | 12           |
| Injap jantung       | 226          |
| Kornea              | 569          |
| Kulit               | 18           |
| Tulang              | 169          |
| <b>Jumlah besar</b> | <b>1,522</b> |

Sumber: Pusat Sumber Transplan Nasional

orang, namun dibandingkan dengan peratusan populasi penduduk dilihat masih jauh berbanding jumlah keseluruhan penduduk Malaysia.

Berdasarkan data, kategori organ yang paling banyak diperlukan adalah buah pinggang dengan 9,819 penunggu dewasa serta 242 kanak-kanak.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

# Budak 12 tahun disyaki korban terbaru strok haba

Mengalami demam  
panas sebelum  
disahkan  
meninggal dunia

Oleh SHAHRIZAL  
AHMAD ZAINI  
KLUANG

Seorang bapa tidak menyangka dia akan kehilangan anak buat selama-lamanya hanya dalam tempoh tujuh jam selepas anaknya itu mengalami demam yang disyaki akibat strok haba.

Menurut Syahrol Azmi Mohd Hekak, 42, dia mendapati anak keduanya, Airlie Syahren, 12, mengalami panas badan pada malam Ahad lalu.

Susulan itu katanya, dia meminta anaknya itu untuk berehat di dalam bilik, namun kira-kira jam 12 tengah malam, anaknya mula meracau.

"Pada mulanya, saya ingat kan dia hanya demam biasa, saya kemudiannya kejutkan dia dan suruh dia tidur di luar (ruang tamu), mungkin di bilik itu sejuk. Lepas itu saya dengar macam bunyi benda jatuh dan kemudian saya dapati dia (anak), mengalami kekejangan dengan badan mengerekot di ruang tamu.

"Keadaan itu buatkan saya panik, saya telefon 999 dan di-sambungkan ke Hospital

Kluang (Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom). Pihak hospital ada tanya, anak saya ada sawan? Lagilah saya panik, tapi pihak hospital beritahu supaya mengiringkan badan anak saya, jangan bagi dia makan atau minum dan tunggu ambulans sampai," ketika ditemui di rumahnya di sini pada Selasa.

Syahrol Azmi berkata, dalam tempoh menunggu ambulans sampai, anaknya terus meronta-ronta sehingga terberak dan terkencing.

"Keadaannya macam ter-lalu sakit. Adiknya pun pernah jadi macam ini tetapi sekejap sahaja, dalam seminit dua," ujarnya.

Menurut Syahrol Azmi, dia bersama anak lelaki sulungnya turut ke hospital bagi menemani Airlie Syahren pada awal pagi Isnin.

Bagaimanapun katanya, dia pulang ke rumah sekitar jam 4 pagi dan meminta anak lelaki sulungnya untuk berada di hospital.

"Tidak lama selepas itu saya terima panggilan telefon daripada anak sulung menga-takan dia tak boleh tunggu ke-rana masih di bawah umur dan pihak hospital turut menelefon saya meminta saya datang dan bawa pampers (lampin pakai buang) ke hospital.

"Saya kemudiannya datang ke hospital dan mendapati doktor sedang melakukan rawatan terhadap anak saya dengan menggunakan alat



Syahrol Azmi menunjukkan perakuan daripada pihak HEBHK berhubung punca kematian anaknya, Airlie Syahren, 12 (gambar kecil).

kelas macam pump tu. Saya kemudiannya dipanggil oleh salah seorang doktor ke bilik-nya dan diberikan penerangan mengenai keadaan anak saya sambil doktor yang lain meneruskan tugas mereka.

"Melihatkan keadaan anak saya macam tu saya dah tak sampai hati. Dalam hati saya berkata, kalau nak pergi, pergilah jangan seksa dia macam ini," katanya.

Berdasarkan kepada perakuan daripada pihak Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom (HEBHK), Kluang, Airlie Syahren disahkan meninggal dunia akibat 'septic shock secondary to meningococcal sepsis'.

Jenazah murid Sekolah Kebangsaan Lelaki Bandar

Kluang itu telah selamat di-kebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bentong pada Isnin.

Sementara itu, anak ketiga Syahrol Azmi, Aidil Syahren, 9, juga demam pada Ahad lalu dan kini dilaporkan stabil serta masih berada di wad HEBHK.

Syahrol Azmi turut menasihatkan orang ramai segera dapatkan rawatan jika demam kerana dikhawatiri ia adalah simptom strok haba.

"Simptom strok haba ni boleh sebabkan sawan, dia panas kat dalam badan dan boleh rosakkan organ dalaman macam buah pinggang, paru-paru dan anak saya doktor cakap dah sampai tahap radang otak," jelasnya.

## JKNJ akan sediakan laporan kematian Airlie Syahren

JOHOR BAHRU - Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) di-minta menyediakan laporan lengkap berhubung kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun dipercayai akibat strok haba pada Isnin.

Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, pihaknya sudah menerima maklumat berhubung kejadian itu dan siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca kematian.

"Saya sudah maklum beria-tersebut sudah tular dan telah menga-rahkan JKNJ untuk sediakan lapo-ran lengkap.

"JKNJ akan keluaran kenyata-an dalam waktu terdekat," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Sebelum itu, media melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun meninggal dunia kira-kira 7 pagi Isnin, disyaki disebabkan strok haba.

Bapanya, Syahrol Azmi Mohd Hekak, 42, berkata, anaknya, Airlie Syahren disahkan meninggal dunia oleh doktor akibat 'septic shock secondary to meningococcal sepsis' di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

Katanya, anak kedua daripada empat beradik itu, mengalami sim-pptom demam tidak berpeluh, ke-kejangan otot, muntah, terkencing, terberak dan meracau, kira-kira 10 malam Ahad lalu.

Beliau berkata, pada mulanya murid Sekolah Kebangsaan Lelaki Bandar Kluang itu termasuk adik lelakinya berusia sembilan tahun dan ibu mereka demam biasa dan mengambil ubat.

Namun Syahrol Azmi berkata, doktor menerangkan anaknya mengalami simptom strok haba se-hingga buah pinggang terjejas dan radang otak.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM berharap kertas putih kesihatan dapat sokongan penuh

FOTO: BERNAMA



Dr Muhammad Radzi (tengah) bergambar bersama peserta dari Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak selepas mengadakan Sesi Town Hall Kertas Putih Kesihatan peringkat Zon Utara di Georgetown pada Selasa.

**GEORGE TOWN** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap Kertas Putih Kesihatan yang bakal menjadi permulaan perjalanan reformasi sistem kesihatan Malaysia ke arah yang lebih mampan dan berdaya saing, akan mendapat sokongan seluruh masyarakat dan kerajaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, Kertas Putih Kesihatan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada Jun 2023.

"Dari segi konsep, ia telah pun lengkap serta merangkumi segala aspek kesihatan tapi kita perlu mula untuk mengoptimumkan strategi dan perancangan dari sekarang," katanya di sini pada Selasa.

Bellau berkata, antara isu

yang dibangkitkan tertumpu kepada penambahbaikan perkhidmatan sistem kesihatan negara yang sering menghadapi kesesakan, antaranya di kecemasan.

Selain itu, Dr Muhammad Radzi berkata, KKM juga berusaha untuk mengubah pendekatan masyarakat iaitu daripada mendapatkan rawatan perubatan kepada kesejahteraan menyeluruh dengan mengetengahkan langkah-langkah pencegahan.

Seterusnya, beliau berkata, Kertas Putih Kesihatan juga menumpu kepada kekangan pembiayaan kesihatan apabila peningkatan drastik terhadap permintaan perkhidmatan kesihatan serta kenaikan kos perubatan telah menggugat kemampuan pembiayaan penjagaan kesihatan. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Minda Pengarang

MEOR HARMAN MEOR SHAKRI



### *Ancaman strok haba, kekhuatiran Covid-19 berulang*

JADUAL persekolahan kembali bersambung semalam selepas lebih seminggu menikmati cuti Hari Raya Aidilfitri. Di sebalik keseronokan itu, ramai yang bimbang dengan keadaan cuaca panas yang melanda negara sejak Ramadan dan penularan Covid-19 selepas asyik beraya.

Kes melibatkan strok haba sudah mula didengari, malah kenaikan kes jangkitan Covid-19 juga menunjukkan ada peningkatan. Di Kedah, laporan sebelum ini menyebut 281 kes baharu berlaku antara 23 hingga 29 April lalu, naik sehingga 76.7 peratus walaupun bergejala ringan.

Itu belum mengambil kira data dari negeri-negeri lain walaupun ada negeri yang mencatat penurunan kes Covid-19 dalam musim perayaan. Fasa kedua musim persekolahan dianggap penting kerana di sinilah sekolah melakukan pecutan terutama persediaan peperiksaan.

Bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun ini sudah tentu mahukan suasana pembelajaran yang kondusif tanpa sebarang gangguan seperti yang dialami calon-calon SPM tahun 2021.

Pada 2021 sebanyak 407,097 calon SPM menduduki peperiksaan. Kumpulan pelajar ini merupakan yang paling terkesan sejak Covid-19 melanda negara, sehingga melumpuhkan kebanyakan semua sektor berkepentingan terutamanya ekonomi dan pendidikan.

Negara tidak lagi mampu untuk berdepan situasi yang serupa kerana semua sektor yang melalui program pemulihan yang sedang berlaku sekarang pun masih bergelut untuk mengekalkan survival masing-masing.

Masih banyak sektor yang belum pulih sepenuhnya, malah sistem pendidikan juga tidak boleh lagi ketinggalan. Kesannya besar jika kejadian serupa berulang ketika ramai anak-anak di peringkat rendah masih bergelut untuk menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira).

Justeru, pihak bertanggungjawab perlu mempunyai pelan komprehensif untuk memastikan kes tidak berulang. Begitu juga isu suhu yang semakin panas dikhuatiri boleh menjejaskan pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

Mengambil kira laporan iklim APEC Climate Center di Busan, Korea Selatan yang meramalkan kebarangkalian berlaku El Nino bermula Jun ini melebihi 90 peratus, sewajarnya isu ini diberikan perhatian.

Di Malaysia keadaan cuaca diramal lebih kering dan panas dari Jun hingga Oktober ini.

Terbaharu seorang kanak-kanak berusia 12 tahun di Kluang, Johor, meninggal dunia dipercayai akibat simptom strok haba. Kejadian ini wajar menjadi perhatian.

Kementerian Pendidikan perlu mengeluarkan garis panduan khas yang wajib diikuti pentadbir sekolah bagi mengelak kejadian yang tidak diingini. Begitu juga dengan langkah berjaga-jaga terhadap penularan Covid-19 dengan mengambil tindakan semaksimum mungkin.

Maka sewajarnya kita lebih maklum dan lebih bersedia dan bukannya memberikan alasan yang tidak munasabah dan menuding jari kepada orang lain apabila musibah itu menimpa diri sendiri.

Meor Harman Meor Shakri ialah Pengarang Berita  
Utusan Malaysia



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Budak lelaki 12 tahun disyaki korban terbaharu strok haba

Oleh **ADNAN IBRAHIM**  
utusannews@mediamula.com.my

**KLUANG:** Seorang budak lelaki berusia 12 tahun meninggal dunia kelmarin dipercayai mengalami simptom strok haba.

Bapanya, Syahrol Azmi Mohd. Hekak, 42, mendakwa, anaknya, Airiel Syahren Syahrol disahkan meninggal dunia oleh doktor akibat *septic shock secondary to meningoenkephalitis* di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom (HEBHK).

Katanya, anak kedua daripada empat beradik itu mengalami simptom demam tidak berpeluh, kekejangan otot, muntah, terkencing, terberak dan meracau kira-kira pukul 10 malam kelmarin.

Pada mulanya, murid Sekolah Kebangsaan (SK) Lelaki Bandar Kluang itu termasuk adik lelaki-nya berusia sembilan tahun dan ibu mereka mengalami demam



**AIRIEL Syahren Syahrol meninggal dunia akibat *septic shock secondary to meningoenkephalitis* yang dikaitkan dengan kesan strok haba di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.**

biasa serta diberi makan ubat.

"Saya kemudiannyakejutkan dia dan suruh dia tidur di luar (ruang tamu), mungkin di bilik itu sejuk sebelum mendengar se-

perti benda jatuh dan kemudian mendapati dia (Airiel) menjadi kejang dengan badan mengere- kot di ruang tamu.

"Keadaan itu buat saya panik

dan terus menghubungi talian kecemasan 999 untuk mendapatkan bantuan ambulans. Dalam tempoh itu, anak saya tetap meronta-ronta sampai terberak, terkencing seperti terlalu sakit, malah simptom sama turut berlaku kepada adiknya namun hanya sekejap," katanya ketika ditemui di Kampung Bentong, di sini semalam.

Pada pukul 7 pagi, dia menerima panggilan daripada petugas HEBHK supaya membeli lampin pakai buang untuk anaknya namun tidak lama kemudian mendapat panggilan kedua yang menyuruhnya segera datang ke wad.

"Ketika meninjau di tabir kawat anak, saya terkejut apabila mendapati pihak doktor sedang memberikan rawatan kecemasan kepadanya. Kemudian dua orang doktor memanggil saya ke bilik mereka dan menerangkan anak saya mengalami simptom strok

haba sehingga menyebabkan buah pinggang terjejas, imej x-ray dadanya berwarna putih selain terkena radang otak.

"Saya tak sanggup lagi nak melihat anak saya terseksa kerana mata putihnya sudah merah dan saya bercakap dalam hati saya izinkan anak saya 'pergi'," katanya.

Dia tidak menyangka anak yang disifatkan sebagai pendiam, suka tersenyum dan ringan tulang membantu keluarga itu pergi terlalu cepat.

"Jangan ambil mudah jika anak-anak anda mengalami demam, jangan fikir lagi soal ada duit atau tidak, segera hantar mereka mendapatkan rawatan di hospital. Jenazah anak saya selamat dikedumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bentong selepas Zuhur semalam," ujarnya.

Anak ketiganya, Aidil Syahren kini sudah stabil dan masih berada di wad HEBHK.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Tiada arahan wajib pakai pelitup muka

Oleh TOREK SULONG  
utusannews@mediamulla.com.my

**PASIR PUTEH:** Pemakaian pelitup muka dalam kalangan murid sekolah dilihat 'longgar' selepas ibu bapa mendakwa tiada arahan khusus daripada pihak sekolah.

Tinjauan ke beberapa buah sekolah mendapati, kebanyakan murid dan pelajar tidak memakai pelitup muka sebagai langkah waspada terhadap penularan semula Covid-19 selepas cuti sambutan Aidilfitri.

Seorang ibu dari Cherang Ruku, Fatimah Ismail, 35, berkata setakat ini mereka tidak menerima sebarang arahan yang mewajibkan sama ada edaran bertulis atau pesanan lisan berkait pemakaian pelitup muka.

Menurutnya, golongan ibu bapa akan akur sekiranya arahan berkait dikeluarkan secara


rasmi.

"Setakat ini, pemakaian pelitup muka adalah pengesyoran Kementerian Kesihatan Malaysia (KPM) untuk dilaksanakan semula di sekolah.

"Itu pun hanya diketahui menerusi siaran berita, namun arahan rasmi yang mewajibkan amalan itu masih belum dikeluarkan," katanya ketika ditemui di luar kawasan Sekolah Kebangsaan (SK) Cherang Ruku, di sini semalam.

Bapa pelajar, Ramzi Mohd. Noor, 44, memberitahu pelaksanaan semula pemakaian pelitup muka perlu bergantung kepada keperluan dan situasi setempat.

"Bukan menjadi masalah besar untuk dilaksanakan semula amalan itu demi kebaikan kerana pelajar dan guru sudah mempunyai pengalaman melaksanakan prosedur berkait sebelum ini," ujarnya.



PEMAKAIAN pelitup muka dalam kalangan pelajar sekolah masih lagi rendah susulan tiada arahan rasmi daripada pihak sekolah. - UTUSAN/TOREK SULONG

## Guru gembira, hargai keprihatinan ibu bapa

**TELUK INTAN:** Berikutan kebimbangan peningkatan kembali kes Covid-19, ibu bapa dilihat menggalakkan anak-anak mereka memakai pelitup muka pada hari pertama sesi persekolahan dibuka semula semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Sekolah Kebangsaan Kampung Bahagia di sini mendapati sebahagian besar murid yang hadir ke sekolah memakai pelitup muka.

Keadaan itu mengembirakan guru yang menghargai kerjasama daripada ibu bapa bagi mengelak risiko jangkitan Covid-19 dengan menggalakkan anak mereka memakai pelitup muka ke sekolah.

Seorang guru di sekolah itu yang enggan namanya disiarkan berkata, keadaan itu menunjukkan

ibu bapa peka terhadap saranan kerajaan supaya murid memakai pelitup muka sebagai langkah perlindungan daripada Covid-19.

"Pihak sekolah gembira kerana ramai murid hadir hari ini memakai pelitup muka, terima kasih kepada ibu bapa yang prihatin dengan menyuruh anak mereka memakai pelitup muka.

"Bukan murid saja yang perlu memakai pelitup muka malah guru-guru juga berbuat demikian," katanya.

Sementara itu, seorang bapa, Jamaluddin Salahuddin, 46, berkata, dia menyokong saranan kerajaan yang menggalakkan murid memakai pelitup muka ketika pembukaan semula sesi persekolahan semalam.



MURID memakai pelitup muka ketika hadir ke sekolah pada hari pertama sesi persekolahan di Sekolah Kebangsaan Tanah Hitam, Chemor, Ipoh, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAF

## Peningkatan kes Covid-19 dorong langkah berjaga-jaga

**PADANG TERAP:** Peningkatan 76.7 peratus kes jangkitan Covid-19 di Kedah mendorong ibu bapa mengambil langkah pencegahan awal dengan memakainya anak masing-masing pelitup muka ke sekolah.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, rata-rata mereka memakainya anak masing-masing pelitup muka sebagai langkah berjaga-jaga walaupun tidak mengalami sebarang gejala atau simptom.

Seorang ibu, Salwana Sharudin, 40, berkata, dia hanya mengikut saranan Kementerian Kesihatan (KKM) baru-baru ini agar pemakaian pelitup muka dilaksanakan semula di semua sekolah berikutan kebimbangan peningkatan kembali kes Covid-19.

"Alhamdulillah walaupun anak saya sihat tetapi sebagai langkah berjaga-jaga saya minta dia pakai sahaja pelitup muka ketika di sekolah kerana kita tidak tahu kehadiran penyakit itu yang mungkin menular kembali semasa sambutan Aidilfitri baru-baru ini.

"Saya juga berpesan kepada anak supaya jaga kesihatan dan keselamatan sepanjang berada di sekolah dan tidak membuka pelitup muka sekiranya tiada keperluan," katanya ketika ditemui semasa menghantar



SALWANA Sharudin memakainya pelitup muka kepada anaknya, Muhammad Syafiq Mohd. Noor, 9, ketika memulakan sesi persekolahan di SK Tunku Abdul Rahman Putra, Kuala Nerang, Padang Terap. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

anaknya di Sekolah Kebangsaan (SK) Tunku Abdul Rahman Putra, semalam.

Selain kebimbangan peningkatan semula kes Covid-19, KKM menggalakkan murid dan pelajar bergejala selain kakitangan berisiko untuk memakai pelitup muka bagi mengekang penularan varian baharu dikenali sebagai XBB.1.16 atau Arcturus.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kera-

jaan Tempatan negeri, Datuk Dr. Mohd. Hayati Othman berkata, sebanyak 281 kes Covid-19 dicatatkan di Kedah sepanjang minggu lalu dengan 71.9 peratus kes dilaporkan melalui saringan bergejala.

Bagaimanapun, beliau menegaskan tiada kes melibatkan varian Arcturus dilaporkan di negeri ini setakat ini, selain Omicron disahkan menjadi satu-satunya varian yang sedang menular ketika ini.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : NEWS/NATION

## The vape dilemma

Balancing health risks and revenue

**W**ITH an aggressive annual revenue of RM2.5 billion to RM2.7 billion, the country's vape industry is huge, although not as humongous as tobacco (RM8.5 billion in projected revenue this year despite strict regulations). But at the rate of yearly growth, e-cigarettes are closing in fast. The economics of vaping is expanding, especially after it was enthusiastically adopted by those below 35 who perceived it as — albeit mistakenly — a "safer and healthier" alternative to smoking. Health authorities and experts, including the World Health Organisation, beg to differ. The side effects are ubiquitous: eye, nose and throat irritations and, at its worst, skin rashes, shortness of breath, wheezing and a negative impact on the lungs. Vaping is also more expensive: at RM15 to RM38 a bottle, depending on the "juice" and "flavour" of choice, compared with a pack of cigarettes at RM18.

But vapers, like smokers of the older generation, are incorrigible: despite the obvious hole in the monthly budget for

**With the enormous amount of money being made from sales and taxes, e-cigarettes will ride the relentless wave of challenges like a champion surfer.**

a daily fix, it's the only addictive vice that is socially permitted and won't raise a (religious) stink compared with imbibing alcohol or smoking marijuana. On medical grounds too, codifying anti-smoking laws has been ongoing for three decades, but the so-called "Generational Endgame Bill", now being reviewed by a Parliamentary Special Select Committee, is targeted at Malaysians

born from 2007. Vaping may be included in the bill. But not today. It is considerably regulation-free. However, vaping is facing stumbling blocks: Australia plans to ban or strictly regulate imports of non-prescription vaping products, including those with no nicotine to curb youth addiction. Obviously, vaping is a huge revenue earner for Malaysia. The government knows it has to be pragmatic to ensure tax revenue continues flowing in while maintaining a booming industry and balancing off calls for a ban. Nevertheless, the vape industry can expect strict new regulations, just like the tobacco industry before it.

Which means the industry may be confronted with a consumption tax, pharmaceutical-like packaging and reduction of nicotine concentrations and volumes, and likely a ban on single-use, disposable vaporisers. This will, of course, translate into an even more expensive habit, but as it has been for smoking, vaping will be marketed as a cool sub-culture among protagonists. To circumvent the ban on mainstream advertising on radio, TV and billboards, vaping has made its rounds on social media, where online sales are robust and will creatively make movie product placements where alcoholism, smoking and drug-taking are already embedded in whatever permissive culture that's being represented. An example of tobacco's shrewd product placement: John Travolta inspired a new generation of smokers to switch to Marlboro in 1977's *Saturday Night Fever* as he gyrated and lighted one in the coolest way possible. With the amount of money being made from sales and taxes, e-cigarettes will ride the relentless wave of challenges like a champion surfer.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS/NATION

WEDNESDAY, MAY 3, 2023 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS

7



Syahrol Azmi Mohd Hekak showing the cause of death report for his son, Airlie Syahren (inset).  
PIC BY MOHAMAD FAHD RAHMAT

'DON'T TAKE FEVER LIGHTLY'

## BOY, 12, DIES FROM HEATSTROKE

Pupil from Kluang becomes nation's third victim after having fever, cramps and seizures

MOHAMAD FAHD RAHMAT  
KLUANG  
news@nst.com.my

**H** EATSTROKE following the hot spell in the country appears to have claimed another victim, this time a 12-year-old boy from the Kluang district.

Airlie Syahren, a pupil of SK Bandar Kluang, initially fell ill on Sunday night.

His father, Syahrol Azmi Mohd Hekak, 42, said Airlie — the second child in the family — had experienced a dry fever, muscle cramps and vomiting.

"I woke him up and asked him to sleep in the living room, thinking that his bedroom may be cold. Later that night, I heard a thud and went out to check. I saw him suffering from cramps and seizures, his body bent."

"I called 999, and was directed to the Enche' Besar Hajjah Khalson Hospital in Kluang."

"They asked me if my son was having fits, then told me to make him lie on his side, and not to give him any food or drink until the ambulance arrived," he said at his Kampung Bentong home.

He said after his son was taken

to hospital, he received a phone call at 7am from the hospital, asking him to rush to the ward.

"I arrived in time to see the medical staff pumping his chest."

"Two doctors called me to a room to tell me my son had symptoms of heatstroke, which led to his kidneys failing and inflammation of the brain."

"I couldn't bear to see him that way. His eyes were red. I was thinking inside that yes, I allow him to go," he said.

Syahrol added he did not think he would have to bid farewell to his son so soon and urged parents to be mindful of their children.

"Don't take a fever lightly. Get them to the hospital."

Airlie was laid to rest at the Kampung Bentong Muslim cemetery after Zohor prayers on Monday.

The Johor Health Department said it was preparing a full report on the incident.

Last week, two children in Kelantan reportedly died of heatstroke.

One of them — an 11-year-old boy — died at the Balai Health Clinic in Bachok, and the other — a one-year and seven-month-old girl — died in Kampung Kota.



Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan speaking during the Health White Paper town hall at Dewan Sri Pinang in George Town, yesterday. PIC BY MIKAIL ONG

### SYSTEMIC REFORM

## Health D-G calls for full support for white paper

**GEORGE TOWN:** The Health Ministry has urged everyone to support the Health White Paper (HWP) aimed at reforming the Malaysian health system, which will be tabled in Parliament next month.

Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said for the HWP to come to fruition, it should first receive support from the cabinet.

"These are very important reforms to ensure our health system is sustainable and competitive. As such, we need support from the cabinet first. Thereafter, we hope each and every Malaysian, will unite to support the HWP," he said during the northern region level townhall session on the HWP at Dewan Sri Pinang here, yesterday.

Present were co-chair of the HWP Advisory Council Tan Sri Dr

S. Subramaniam, who is also former health minister, and state Health Department director Dr Fazilah Shaik Allaudin.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa recently said the HWP would ensure a sustainable healthcare fund and the development of the national health insurance scheme.

She said her ministry was engaging stakeholders to ensure the public understood the HWP and provided necessary input for a stronger policy outcome.

Dr Radzi said the main focus of the HWP was to improve the delivery system.

"We are facing overcrowding in the Emergency Department (in some hospitals) and (some of) health centres. We want to resolve this issue."

"Also, we want to change the people's concept from 'sick care'

to 'wellness', more towards prevention."

"Thirdly, we want to improve healthcare financing. We know some people may not be able to sustain the high cost in healthcare. We will find a way to improve healthcare financing."

"Lastly, which is the most important, is governance. We want it to be effective and efficient."

Dr Radzi, however, agreed to a question from the floor on the importance of general practitioners (GPs) in the primary healthcare system.

He said the restructuring of consultation fees for GPs would be looked into after the HWP has been approved.

GPs can now only charge a maximum RM80 to see patients with non-communicable diseases despite the high cost of operating their clinics.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

## MOH hopes to get full support for Health White Paper

GEORGE TOWN: Please support the Health White Paper – which is the beginning of the journey to achieve a more sustainable and competitive Malaysian health system, says Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

The Health White Paper is expected to be tabled at Parliament in June to get bi-partisan support from the Members of Parliament, before steps towards implementation can be carried out.

“Conceptually, it is complete and encompasses all aspects of health, but we need to start optimising the strategies and planning from now.

“We hope it will receive full support as this effort does not only involve the MOH. It requires comprehensive efforts of the society and the government to make the Malaysian health system more efficient,” he said after attending the Health White Paper town hall session for the northern zone here yesterday, Bernama reported.

**“Conceptually, it is complete and encompasses all aspects of health.”**

Dr Muhammad Radzi Abu Bakar

The health roadmap will focus on healthcare financing constraints as the drastic increase in the demand for health services and the rising cost of healthcare have also threatened the sustainability of healthcare funding, he added.

Dr Muhammad Radzi said among the issues raised during the town hall session were the improvements in the health services, which are often plagued with over-crowding issues, especially at the emergency department and health clinics.



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Move to seek support for Health White Paper

**GEORGE TOWN:** The Health Ministry is hoping that the Health White Paper, which is deemed the start of a journey to achieve a more sustainable and competitive Malaysian health system, will get full support from the government and all levels of society.

Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said the Health White Paper is expected to be tabled in Parliament in June to get bipartisan support from MPs before steps towards its implementation can be carried out.

"Conceptually, it is complete and encompasses all aspects of health, but we need to start optimising strategies and planning from now.

"We hope it will receive full support as the effort does not only involve the ministry.

"It also requires comprehensive efforts of the society and the government to make the Malaysian health system more efficient," he said after attending the Health White Paper town hall session for the northern zone here yesterday.

Muhammad Radzi said among issues raised during the town hall session were improvements in health services such as over-crowding issues, especially at the emergency department and health clinics.

The ministry is also striving to change society's approach when seeking treatment by promoting preventive measures.

He added that the Health White Paper will also focus on healthcare financing constraints as drastic increase in demand for health services, and the rising cost of healthcare have threatened the sustainability of healthcare funding.

- Bernama